



PERKEMBANGAN METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HADITH DI NEGERI KEDAH

Ahmad Yunus Mohd Noor, Qutrennada Rosli*

* Jabatan Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abstract

Teaching and learning (T&L) is one of the basics in education and without both, knowledge acquisition process will not be successful and effective. Activities of teaching and learning of hadith have declined around the 18th century, later expanded rapidly up to now which have proven by previous studies that have been done by some authors in Malay archipelago. Thus, this paper will discuss the development of teaching and learning of hadith in Malaysia started with the development of hadith from the time of the Prophet (PBUH), the era of the Companions and Successors. Besides, this paper will also highlight the development of teaching and learning of hadith in Malaysia comprehensively, especially in Kedah and in several institutions which applied teaching and learning of hadith. Method of this article is based on qualitative method in a form of content analysis of printed sources such as; books, articles and historical documents. The results of this study found that the development of teaching and learning of hadith in Malaysia is slightly increasing as well as getting attention of the local community to prove the interest of society towards science of hadith. This article also in turn has implications to the science of knowledge in diversifying the references in the field of hadith.

Keywords: T&L hadith, development of T&L hadith, method of T&L, hadith scholars

Abstrak

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan antara perkara asas dalam pendidikan yang mana tanpa keduanya proses pemerolehan ilmu tidak akan berjaya dan berkesan. Aktiviti pengajaran pembelajaran hadith dikatakan merosot sekitar abad ke-18 kemudiannya berkembang kian pesat semula dengan sehingga kini dibuktikan dengan kajian lepas yang telah dilakukan oleh beberapa penulis Nusantara. Justeru, penulisan ini akan membincangkan mengenai perkembangan pengajaran dan pembelajaran hadith di Malaysia bermula dengan perkembangan hadith daripada zaman Rasulullah SAW, zaman Sahabat dan Tabiⁱn. Seterusnya penulisan ini juga akan menyoroti perkembangan pengajaran dan pengajaran hadith di Malaysia secara menyeluruh khususnya di Kedah dan di beberapa institusi yang mengaplkasikan pengajaran dan pembelajaran hadith. Metod kajian ini adalah berdasarkan metod kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan daripada sumber bercetak seperti buku, artikel dan dokumen sejarah. Hasil daripada penulisan ini, mendapat perkembangan pengajaran dan pembelajaran hadith di Malaysia semakin meningkat serta mendapat perhatian masyarakat setempat membuktikan minat masyarakat terhadap ilmu hadith. Artikel ini juga memberi implikasi kepada bidang ilmu dalam mempelbagaikan rujukan dalam bidang hadith.

Kata kunci: PdP hadith, perkembangan PdP hadith, metod PdP, Ilmuan hadith

Article Progress

Received: 15 June 2017

Revised : 15 November 2017

Accepted: 1 December 2017

* Ahmad Yunus Mohd Noor,
Jabatan Usuluddin & Falsafah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan
Malaysia.
Email: a_yunus@ukm.edu.my



1. PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran hadith telah menjadi fenomena sejak kebelakangan ini, malah telah semakin rancak berkembang dalam bentuk formal mahupun tidak formal sama ada di surau, masjid, rumah, dan institusi pengajian. Perkara ini jelas menunjukkan pengajaran hadith kian mendapat sambutan daripada masyarakat. Namun, pengajaran hadith turut mengalami kemerosotan dan kemunduran di era awal kemunculan Islam khususnya di Malaysia. Walau bagaimanapun, perkara ini telah diatasi dengan baik oleh ulama di Malaysia khususnya di Kedah dengan metod dan pendekatan yang komprehensif.

2. KONSEP METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HADITH

Metod secara etimologinya bermaksud cara, jalan atau kaedah yang berasal dari perkataan Yunani *methodos* melalui gabungan *metha* (melalui) dan (*hodos*) cara atau kaedah. Dari segi terminologi pula bermaksud kaedah untuk mengetahui, menganalisis dan menyusun maklumat yang diperlukan bagi mengembangkan disiplin tersebut (Barnadib 1987). Metod juga menerangkan cara, kaedah dan pendekatan sesuatu matlamat (Ghazali Darussalam 2001). Secara ringkas, metod bermaksud kaedah yang digunakan untuk mencapai sesuatu tujuan.

Pendidikan bermatlamat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan diperolehi melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan peranan daripada guru dan pelajar yang berlaku dalam berbagai situasi sama ada formal mahupun tidak formal. Ilmu yang diperolehi juga akan memberi kesan kepada pelajar dari sudut efektif, kognitif dan psikomotor. Untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang jitu memerlukan kepada metod pengajaran dan pembelajaran yang efisien bagi menghasilkan matlamat ilmu iaitu melahirkan manusia yang sempurna disamping mendekatkan diri kepada Allah dan mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat (al-Ghazali 1939; Ibnu Khaldun 2004).

Komponen penting dalam pengajaran dan pembelajaran melibatkan mata pelajaran yang diajar, guru dan pelajar (Hassan Langgulung 1991). Perkara ini juga seiring dengan kandungan dalam surah al-^cAlaq ayat 1 hingga 5 yang mengandungi dasar

pendidikan Islam yang berkait antara satu sama lain. Dari konteks metodologi pengajaran dan pembelajaran berpandukan ayat dari surah al-^cAlaq menerapkan metod membaca (اقرأ). Dari konteks bahan pelajaran pula simbolik yang digunakan membawa maksud alat bantu mengajar berdasarkan perkataan (قلم). Seterusnya dari konteks sumber untuk mendapatkan ilmu itu adalah melalui guru berpandukan ayat (علم الإنسان ما لم يعلم) (Ghazali Darussalam 2001).

Kenyataan ini jelas menunjukkan metod membaca adalah metod terbaik dan berkesan untuk mendapatkan ilmu. Malah, keperluan guru sebagai pengajar tidak dinafikan kepentingannya dalam membimbing pelajar dengan bantuan bahan pelajaran. Pengendalian metod pengajaran dan pembelajaran yang terancang akan memberi kesan kepada kefahaman. Secara keseluruhannya, metodologi dalam pendidikan merupakan strategi dalam pengajaran dan pembelajaran yang memberi kesan kepada objektif pendidikan.

Definisi Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran

Metodologi pengajaran merujuk kepada bagaimana menyampaikan apa yang hendak diajar atau bagaimana mengajar isi kandungan dalam kurikulum yang telah dirancang untuk mempengaruhi tingkah laku pelajar (Tayar Yusuf 1986). Aktiviti pengajaran melibatkan diantara guru dan pelajar yang saling berkait tanpa salah satu daripadanya pengajaran tidak akan berlaku. Proses pengajaran merupakan suatu seni dalam aktiviti pembelajaran yang memerlukan kepada kreativiti guru dalam proses pengajaran (Zarin Ismail & Ab Halim 2006). Hasil daripada pengajaran melahirkan perubahan yang kekal sama ada dalam bentuk yang jelas ataupun samar terhadap pelajar (Shababuddin et al. 2003). Ini bermaksud pengajaran adalah penyampaian ilmu pengetahuan dengan menggunakan kepelbagaiannya metodologi pengajaran untuk menghasilkan pembelajaran yang berasaskan kepada objektif pelajaran yang dapat memberi kesan kepada pelajar. Dalam kata yang lain, metodologi pengajaran merupakan kaedah yang digunakan pengurusan pelajaran dengan menggunakan metod, kandungan pelajaran dan alat bantu mengajar bagi mencapai objektif pengajaran.



Aspek yang penting dalam sebuah pengajaran merangkumi strategi, metodologi, pendekatan yang diaplikasikan untuk mengajarkan isi kandungan mata pelajaran yang terkandung dalam kurikulum (Shuki Osman & Rahman Shukor Ab Samad 2009). Pengajaran yang dirancang oleh guru secara sistematik dengan metodologi yang efektif akan mewujudkan situasi yang membolehkan berlaku aktiviti pembelajaran. Pengajaran juga merangkumi proses penyampaian kurikulum, dan sistem penilaian pelajar untuk memperihalkan hasil keberkesan pengajaran serta kesesuaian pelajaran dengan tahap pemikiran pelajar.

Pengajaran boleh dibaiki secara berterusan melalui penulisan, pengembangan ilmu, pengukuhan kemahiran dan rujukan kepada ahli profesional yang berkaitan. Dalam proses pengajaran, terdapat pelbagai pendekatan yang boleh diaplikasikan seperti pengajaran berpusatkan murid, guru, hasil, proses dan nilai (Noor Hisyam Md Nawi 2011). Secara keseluruhannya, komponen asas yang membentuk sesuatu proses pengajaran seharusnya mengandungi ciri-ciri berikut untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Manakala, pembelajaran merujuk kepada proses pengalaman yang diperolehi menghasilkan perubahan yang teguh kepada pengetahuan mahupun tingkah laku (Norasmah Othman & Shuki Osman 2009). Selain itu, pembelajaran juga adalah proses interaksi guru dengan pelajar agar berlakunya proses pemerolehan ilmu dan pengetahuan atau penguasaan kemahiran atau pembentukan sikap dan kepercayaan terhadap pelajar. Pembelajaran yang berkesan akan menghasilkan perubahan yang kekal terhadap tingkah laku dan akhlak pelajar hasil daripada penglibatan dalam sesuatu pengalaman pendidikan.

Pembelajaran memerlukan metodologi dan proses, sama ada dari yang paling mudah sehingga kepada yang paling kompleks. Pembelajaran boleh berlaku tanpa mengambil kira faktor masa dan tempat mahupun tanpa melalui proses pengajaran formal. Demikian juga pengajaran tidak semestinya menghasilkan pembelajaran. Namun secara lazimnya pengajaran yang kondusif akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Dalam situasi tertentu, terdapat pembelajaran yang tetap memerlukan proses pengajaran. Justeru, terdapat kemungkinan di mana pembelajaran yang berlaku tidak melengkapi peraturan dan gagal mencapai kehendak sebenar

pentakrifan pendidikan (Abd Rahim Abd Rashid 2002).

Kesimpulannya, pengajaran dan pembelajaran merupakan proses dalam pendidikan untuk memperoleh ilmu pengetahuan secara formal mahupun tidak formal yang melibatkan komunikasi antara guru dan pelajar bagi memenuhi salah satu syarat keberkesan pengajaran dan pembelajaran

METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HADITH

Penulisan ini akan membincangkan sebahagian metod pengajaran dan pembelajaran yang diekstrak daripada al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW iaitu metod syarahan atau kuliah, soal jawab, perbincangan, hafalan dan halaqah (Che Noraini Hashim 2008; Ghazali Darussalam 2001) dengan penekanan kepada pelajaran hadith. Penjelasan adalah seperti berikut:

1. Metod Syarahan atau Kuliah

Metod syarahan atau kuliah merupakan metod yang lebih menumpukan kepada penglibatan guru dalam pengajaran dengan memberi penerangan dan penjelasan kepada pelajar (Kamarul Azmi Jasmi & A.b Halim Tamuri 2007). Metod syarahan adalah pengajaran yang berpusatkan guru. Metod syarahan digunakan untuk menyebarkan maklumat (Bligh 1998) yang banyak dalam tempoh masa yang singkat. Metod syarahan sesuai digunakan untuk memberikan pengetahuan asas dalam sesuatu pengetahuan malah dapat membantu pelajar yang berprestasi lemah yang memerlukan lebih perhatian dan bimbingan daripada guru.

Selain itu, penggunaan metod syarahan telah sinonim dalam pengajaran (Butler 1992) semua mata pelajaran kerana metod ini diadakan dalam satu tempat melibatkan pelajar yang ramai dan seorang guru serta menjimatkan kos dan perbelanjaan. Metod ini adalah metod konvesional dalam pengajaran yang sering digunakan dalam pelajaran Pendidikan Islam dan cabangnya salah satu daripadanya adalah pelajaran hadith. Malah, menurut tradisi pengajaran, Rasulullah SAW juga mengaplikasikan metod syarahan ketika menyampaikan syariat Islam kepada manusia seperti menyampaikan khutbah di masjid.

Namun, berdasarkan kenyataan Maharam Mamat et al. (2012) yang menyatakan bahawa metod syarahan merupakan satu kaedah pengajaran berpusatkan guru



yang mana kaedah ini sering dikaitkan dengan kelahiran golongan pelajar pasif dan gagal membentuk keyakinan diri. Malah, metod ini sering mendapat kritikan daripada aliran kognitif konsuktivisme (Maria Chong Abdullah et al. t.th). Walau bagaimanapun, dengan kepelbagaiannya gabungan metod pengajaran, metod syarahan didapati berkesan untuk mendapatkan pengetahuan di peringkat awal pembelajaran.

2. Metod Soal Jawab

Metod soal jawab yang dijalankan dalam P&P hadith dapat merangsang kemahiran berfikir para pelajar untuk lebih memahami isi kandungan pembelajaran serta dapat menghubungkait dengan keadaan semasa yang berlaku. Hal ini kerana, pembelajaran hadith mempunyai kaitan yang kuat dengan kehidupan seharian manusia yang mengandungi syariat dan penjelasan hukum Islam. Metod penyoalan juga hendaklah mengambil kira aras tinggi dan rendah untuk merangsang kemahiran berfikir serta sesuai dengan tahap pemikiran pelajar. Metod penyoalan aras rendah sesuai untuk menguji pengetahuan selepas memulakan pengajaran sesuatu topik yang baru, manakala penyoalan aras tinggi pula sesuai untuk proses analisis, sentesis dan penilaian yang memerlukan tindak balas pemikiran aras tinggi (Wan Mat Sulaiman & Dk Hajah Norkhairiah 2011).

Metod soal jawab berlaku dalam komunikasi dua hala antara guru dan pelajar menjadikan proses pembelajaran aktif tidak hanya guru yang berperanan tetapi pelajar turut terlibat perbincangan. Penyoalan ini menandakan pelajar dapat menerima dan memikirkan perkara yang berkaitan dengan tajuk pelajaran untuk menghasilkan pemahaman yang jitu.

3. Metod Perbincangan

Perbincangan mampu merangsang kemahiran berfikir pelajar secara kreatif dan kritis untuk membentuk pengetahuan yang baru. Berdasarkan pengetahuan yang sedia ada, pelajar diberi autonomi untuk menghubung dengan pengetahuan yang baru dan mengembangkan potensi dengan bantuan guru. Proses ini akan membentuk kefahaman baru pelajar melalui perbincangan yang dipandu oleh guru (Maharam et. al 2012). Malah, pelajar akan mendapat peluang untuk melibatkan diri secara aktif dengan bimbingan guru (Shahabuddin Hashim et al. 2003).

Isi kandungan pembelajaran hadith banyak mendedahkan kepada isu semasa, situasi sebenar mahupun masalah yang dialami oleh manusia. Sebagai contoh proses pengajaran hadith yang berkaitan isu semasa memerlukan perbincangan yang mendalam dengan himpunan maklumat yang bersifat kualitatif dengan menggunakan tahap pemikiran aras tinggi yang melibatkan proses deskriptif seperti menghurai, menghujah dan membuat penilaian untuk menghasilkan penyelesaian masalah dan hasil pembelajaran (Wan Mat Sulaiman & Dk Hjh Norkhairiah 2011). Perkara ini akan menjadikan pelajar mendalmi permasalahan seterusnya mencapai tujuan dalam pembelajaran iaitu hasil pembelajaran ilmu yang baru.

4. Metod Demonstrasi

Demonstrasi atau tunjuk cara merupakan metod pengajaran dengan cara memperlihatkan sesuatu proses kepada pelajar (Tayar Yusuf 1986). Metod demonstrasi memerlukan kemahiran penyampaian guru yang tinggi dalam memberi faham isi pelajaran. Pelajar berperanan sebagai pemerhati dan meneliti perlakuan dan tindakan guru kemudian cuba mempraktikkannya. Sebelum metod demonstrasi dijalankan, pelajar terlebih dahulu didedahkan dengan garis panduan pengajaran kemudian diikuti dengan kaedah tunjuk cara. Metod demonstrasi atau kaedah tunjuk cara sesuai digunakan dalam pelajaran (Noor Izzuddin et. al 2014: 2) yang melibatkan hadith amali dalam bab ibadah, muamalah, munakat dan jenayah. Perkara ibadah seperti solat dan tatacara solat boleh dipelajari dengan cara demonstrasi atau tunjuk cara guru kepada pelajar supaya pelajar mendapat gambaran bagaimana cara solat yang betul berlandaskan hadith Rasulullah SAW. Pelajar akan mengetahui metod yang betul sekaligus mengamalkannya cara yang betul dalam kehidupan seharian.

Metod demonstrasi juga akan membantu pelajar dalam bacaan hadith, membuat keputusan dan memurnikan bacaan hadith. Kesalahan pelajar melalui pembacaan hadith dapat dikesan seterusnya melakukan pembetulan supaya tidak berlaku kesalahan dalam memberi makna hadith (Asma' Soleh 2016). Metod demonstrasi atau tunjuk cara sangat berkesan diaplikasi untuk pembelajaran yang melibatkan aplikasi amali dan praktikal.

5. Metod Hafalan



Aspek utama dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu syariat adalah menghafal kaedah dan asas-asas agama kemudian mendapat penjelasan dan kefahaman seterusnya menyakini dan membenarkan tanpa hujah khususnya diperingkat permulaan pembelajaran (Abdul Salam 2015 & Khairil Azuan 2015). Al-Ghazali (1979) dalam Ihya' 'Ulum al-Din menjelaskan bahawa asas bagi ilmu pengetahuan adalah melalui hafalan. Maka untuk memantapkan hafalan adalah melalui amalan. Menurut Imam Waki' al-Jarrah (W197H) dipetik dari 'Ulum al-Hadith Ibnu Solah (1986):

"Sekiranya kamu ingin menghafal hadith, hendaklah kamu beramal dengannya"

Kenyataan di atas menunjukkan kepentingan metod pembelajaran secara hafalan untuk mengingati maklumat dan data yang bersifat tetap dan memerlukan kepercayaan seperti dalam hal ehwal agama termasuk pelajaran hadith. Namun, ini tidak bermakna menghalang kemahiran berfikir para pelajar apabila melibatkan isu semasa, situasi berkaitan dan hal ehwal agama. Namun, metod hafalan mendapat kritikan daripada metod pembelajaran berdasarkan masalah atau lebih dikenali sebagai Problem-Based Learning (PBL) tidak menggalakan hafalan sebaliknya mengkehendaki pelajar mencari penyelesaian kepada masalah secara berkobalorasi serta berinteraksi dengan pelajar lain untuk menghasilkan solusi yang berkesan (Jordan & Porath 2006). Walau bagaimanapun, metododologi pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam (agama) tidak menolak metod yang lain sebaliknya menghubung jalankan di antara metod pengajaran dan pembelajaran yang ada bagi mengambil kira tahap perbezaan dan kecenderungan pelajar.

Keberkesanan Metodologi Pengajaran Dan Pembelajaran Hadith

Pengajaran yang efektif bukan sahaja memberi kesan kepada hasil pembelajaran mudah difahami dan diminati bahkan menjadi role model kepada pelajar dari sudut personaliti yang mampu mempengaruhi tingkah laku dan sikap pelajar (Abdul Halim el-Muhammady 1991). Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bagi sesuatu mata pelajaran juga bergantung kepada aspek kandungan, pendekatan, kaedah dan aktiviti serta kekuatan bahan-bahan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pemilihan kaedah pengajaran penting bagi memastikan pelajar dapat menerima dan memahami

perkara yang diajar oleh guru (Monetti et al. 2006). Untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan perlu melalui metod yang sesuai seiring dengan tahap pemikiran pelajar. Kesedaran tentang perbezaan tahap penerimaan dan kepelbagaian latar belakang pelajar bertujuan untuk memenuhi keperluan pelajar dalam memahami pelajaran sekaligus mempengaruhi keberkesanan metod sesuatu pengajaran.

Tambahan lagi, menurut Ahmad Shaibani (1997) terdapat beberapa prinsip umum berkait rapat dengan keberkesaan pengajaran dan pembelajaran agama ialah motivasi, keperluan dan minat pelajar, tujuan belajar, mengetahui tahap kematangan pelajar, memahami perbezaan di antara pelajar, menyediakan peluang pengalaman pembelajaran, menilai kefahaman, integrasi pengalaman, pembaharuan dan kebebasan berfikir seterusnya menjadikan proses pembelajaran sebagai pengalaman yang menggembirakan bagi pelajar. Prinsip ini jelas menunjukkan bahawa pelajar menjadi keutamaan guru dalam pengajaran bagi menghasilkan pembelajaran yang efektif.

Peluang harus diberikan untuk pelajar terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran seiring dengan kemampuan, bakat dan gaya pembelajaran pelajar bagi melaksanakan pelbagai aktiviti yang melibatkan seluruh pancaindera (Abdul Munir et al. t.th). Penggunaan metod pengajaran yang sesuai akan menghasilkan penguasaan ilmu, amalan penghayatan dan perlaksanaan yang boleh memberi kesan kepada diri pelajar dan masyarakat keseluruhannya. Penggunaan metod pengajaran yang bersesuaian bukan sahaja mampu memberi kesan positif dalam prestasi pelajar, bahkan dapat menjana pemikiran yang kritis dan kreatif. Malah, mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif menggalakkan pelajar memahami pembelajaran dengan jelas kearah penghayatan yang lebih sempurna.

Selain itu, penyampaian dan pengajaran guru hendaklah disusun mengikut tradisi pendidikan ilmu Islam yang dapat dihayati dan diyakini disamping mengkekalkan tradisi budaya penulisan ilmu Islam yang tulen dengan kepelbagaian metod semasa yang bersesuaian mengikut kemajuan dan tahap pemikiran pelajar. Malah, penggunaan variasi bantu mengajar dan penilaian pelajar dilakukan secara menyeluruh serta berterusan berdasarkan rujukan kriteria pengajaran (Adnan Yusopp 2002). Bahkan, penjelasan tentang perkara agama seperti ibadat,



muamalah, munakahat dan jenayah diberi penjelasan yang baik dan jelas agar tidak menimbulkan kekeliruan dalam memahami sesuatu hukum agama.

Begitu juga, aspek yang penting dalam pengajaran juga adalah persediaan guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran berorientasikan objektif kurikulum, metod, amalan (Abdul Munir et. al t.th) serta pendekatan yang sistematik dan terancang. Kaedah pengajaran guru hendaklah memberi kesan kepada pelajar. Pembelajaran dan pengajaran keberkesanan berorientasikan kepada asas metod dan pendekatan yang kukuh, tuntas serta boleh diyakini. Menurut Ab. Halim Tamuri (2003) pengajaran dan pembelajaran interaktif menjadikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan. Terdapat 3 pembahagian pengajaran dan pembelajaran interaktif iaitu interaktif antara guru dengan pelajar; interaktif antara guru dengan bahan pengajaran; dan interaktif antara pelajar dengan pelajar

Konsep pembelajaran yang berkesan haruslah memiliki ciri-ciri kemahiran belajar etika belajar dan akhlak mulia. Pengamalan dan bimbingan yang betul akan melahirkan pembelajaran yang berkesan. Kritikan yang sering berlaku dalam masyarakat adalah pengajaran yang memberi penumpuan kepada aspek kognitif dan psikomotor yang mengakibatkan proses pengajaran guru hanya untuk menghabiskan sukatan pelajaran semata-mata dan pembelajaran pelajar berlaku hanya untuk lulus peperiksaan. Perkara ini memberi impak kepada kemerosotan prestasi akhlak dan moral pelajar (Abdul Salam 2015). Justeru, guru hadith yang berkesan seharusnya memiliki sifat-sifat yang terpuji, berkemahiran, berilmu, personaliti yang boleh menyampaikan pengajaran yang berkesan dan mampu menjadikan pembelajaran hadith satu mata pelajaran yang diminati dan dihayati oleh pelajar.

Perkembangan Pengajaran Dan Pembelajaran Hadith Di Malaysia

Islam mula bertapak ke Semenanjung Tanah Melayu pada awal abad keempat belas seperti yang dinyatakan di Batu Bersurat, Terengganu (al-Attas 2015). Kelahiran pengajaran hadith di Nusantara selaras dengan perkembangan dan penyebaran Islam. Pada permulaan penyebaran Islam, perkara utama yang diperkenalkan kepada masyarakat ialah al-Qur'an dan al-Hadith. Maka, hasil dari penyebaran tersebut masyarakat mula percaya dan menjadikan kedua-dua

sumber tersebut sebagai pegangan untuk menghayati dan mengamalkan Islam dengan sempurna.

Oleh itu, pusat-pusat pengajian ilmu Islam mula berkembang dalam masyarakat khususnya pengajaran hadith yang dijalankan dengan percuma dan secara tidak formal oleh pendakwah Islam yang bermula di masjid dan pondok, kemudian berkembang ke tahap yang lebih tinggi dan formal serta mempunyai sistem pelajaran yang sistematik. Pengajaran hadith yang dijalankan membuktikan bahawa kepercayaan masyarakat teguh terhadap hadith Rasulullah SAW.

Di Malaysia, perkembangan Islam bergerak seiring dengan penyebaran dan pengajaran Islam sekitar abad ketiga belas Masihi bersama ilmu tentang Islam dalam bentuk lisan dan tulisan (Mohd Muhiben Abd Rahman 2007). Islam mula berkembang pesat pada abad ketujuh belas selepas kedatangan ulama khususnya Hamzah al-Fansuri dan Samsuddin al-Sumatrani yang berperanan membentuk pemikiran dan praktik agama dalam kalangan masyarakat (Jawiah Dakir & Ahmad Levi Fachrul Avivy 2010).

Bahkan kedatangan Islam menjadi medium penggerak kepada penyebaran pengajaran hadith di Malaysia. Penulisan ulama dalam pengkhususan bidang hadith dikesan pada abad ketujuh belas namun, kajian menunjukkan perkembangan dalam bidang hadith sedikit berbanding dengan bidang agama yang lain (Jawiah Dakir et al. 2012). Tokoh ulama Nusantara yang berpengaruh dan terkenal memberi sumbangan dalam ilmu hadith, antaranya adalah Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga atau lebih dikenali dengan Shaykh Ahmad Lingga, Shaykh Mahfuz al-Tarmasi, Syeikh Daud al-Fatani, Shaykh Ahmad al-Fatani (Mohd Muhiben Abd Rahman 2007), Shaykh Nuruddin al-Raniri, Shaykh Ahmad al-Surkati, Shaykh al-Ghadamsi dan Maulana Tok Khurasan (Fauzi bin Deraman & Mohd Asmawi bin Muhammad 2010).

Pada abad kesembilan belas dan dua puluh juga, negeri yang banyak melahirkan golongan ulama di Tanah Melayu adalah Kelantan, Terengganu dan Kedah berbanding negeri-negeri lain. Sekitar tahun 1850-1935 terdapat hampir enam puluh orang ulama di Kedah hasil daripada pengajaran dari pondok dan lepasan Mekah dan Madinah. Perkembangan hadith pada kurun kesembilan belas hingga kurun kedua puluh didominasi oleh ilmu akidah, tafsir dan tasawuf (Fauzi Deraman et al. 2010; Abdur Rahman M.A et al. 2011) dalam konteks pengajaran mahupun penulisan



yang dibuktikan dengan kelahiran karya-karya dalam bidang tersebut (Mohd Mohiden Abd Rahman 2007) namun, fenomena ini tidak bermakna perkembangan dan penyebaran pengajian hadith tidak berlaku. Selain itu, perkembangan pengajian hadith di Nusantara lebih tertumpu kepada perbahasan mengenai sanad hadith, berbeza dengan perkembangan penulisan huraian hadith yang mendahului penulisan ilmu hadith (Anwar Ridwan Zakaria & Fauzi Deraman 2007).

Pengajian hadith mengalami fasa kemunduran pada abad kesepuluh Hijrah sehingga kemuncaknya pada abad keempat belas Hijrah (Mohd Muhiden Abd Rahman 2007) yang turut memberi kesan kepada perkembangan pengajian hadith di seluruh tempat dan negara kecuali India. Hal ini dibuktikan dengan kebanjiran karya dan ilmuan Islam yang lebih menumpukan dalam bidang akidah, tawasuf dan fiqh (Abdur-Rahman M.A et al. 2011; Jawiah Dakir et al. 2012).

Meskipun begitu, pengajian hadith mula mendapat tempat pada abad kesembilan belas dan kedua puluh Masihi (Mohd Mohiden Abd Rahman 2007) walaupun tidak serancak seiring perkembangan ilmu Islam yang lain seperti tafsir, tasawuf dan akidah. Pada abad kesembilan belas juga karya dalam bidang hadith mula diperkenalkan oleh ulama Nusantara yang mana karya-karya tersebut dikategorikan kepada dua bahagian iaitu karya khusus berkaitan hadith seperti *Fath al-Mubin* oleh Shaykh Muhammad Salih Bin Murid Rawa dan karya ilmu agama lain yang mengandungi hadith seperti *Fawa'id al-Fikr fi al-Imam al-Mahdiy* oleh Shaykh Daud al-Fatani (Jawiah Dakir 2012 et al.).

Melalui maklumat yang telah dinyatakan oleh penulis menunjukkan bahawa pengajian hadith masih lagi di tahap yang membimbangkan. Fenomena ini sebenarnya mencabar kewibawaan hadith sebagai sumber perundungan kedua dalam Islam. Namun, kajian terkini yang dilakukan oleh Mohd Mohiden Abd Rahman (2007) mendapatkan perubahan positif dalam pengajian hadith. Kenyataan ini dibuktikan dengan kelahiran institusi pengajian hadith yang cuba menghidupkan tradisi pengajian hadith dalam bentuk yang asal secara konvensional yang memberikan penumpuan kepada teks dan sanad hadith.

Walau bagaimanapun, bentuk pengajian di Malaysia umumnya, para pengajar akan menggunakan kitab terjemahan hadith dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Indonesia atau menterjemah sendiri kitab

hadith yang diajar. Bahkan, majoriti pengajian agama di Malaysia di Bawah pemantauan pihak berkuasa agama Islam (Fauzi Deraman 2010). Hal ini kerana, untuk menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran hadith itu sendiri serta mengelakan daripada ajaran sesat. Tambahan lagi, terdapat juga pengajian agama yang dijalankan oleh persatuan badan bukan kerajaan seperti PAKSI (Persatuan Khidmat Sosial Islam) yang mengadakan pengajian agama setiap minggu kepada masyarakat di Kedah khususnya menggunakan sumber primer dalam bidang hadith antaranya Sahih Bukhari (Yahya Bakhir 2015).

Selain itu, terdapat beberapa tokoh Islam dan institusi pengajian yang memberikan tumpuan khusus kepada pengajian hadith di Malaysia walaupun bilangannya agak terhad, antaranya adalah:

1. Abu Abdullah Sayyid Hasan al-Khurasani yang lebih dikenali dengan Tok Khurasan yang mendapat pendidikan awal dan lanjutan di Dar Ulum, Deoband, India. Beliau merupakan seorang ulama dari Iran yang berhijrah ke Negeri Kelantan pada tahun 1911M, dan orang pertama yang membawa ilmu ‘Ulum hadith ke Kelantan (Fauzi bin Deraman & Mohd Asmawi bin Muhammad 2010). Kemudian beliau juga menggasaskan pusat pengajian hadith di Kelantan diberi nama Dar al-Hadis al-Khurasaniyyah malah, beliau turut menjalankan pengajian hadith secara bersanad (Mohd Mohiden Abd Rahman 2007).
2. Muhammad Asri Yusof yang merupakan seorang ulama kelahiran negeri Kelantan pada tahun 1958 yang turut mempelajari hadith secara bersanad daripada beberapa orang guru di India antaranya Shaykh Mufti Wali Hasan. Beliau telah menggasaskan pusat pengajian hadith bernama Dar al-Kauthar di Kelantan yang menjadikan Sunan Sittah sebagai sukatuan pelajaran (Mohd Mohiden Abd Rahman 2007).
3. Suhaimi Ahmad yang merupakan anak kelahiran Negeri Kedah mengasaskan pusat pengajian hadith kepada orang awam pada tahun 1993 berpusat di Negeri Kedah yang diberi nama Darul Hadis bertujuan menghidupkan tradisi pengajian hadith secara tradisional (turath) bersanad yang sahih. Pengajian hadith Bukhari telah berjalan selama beberapa tahun oleh Mufti Kedah iaitu Dato' Badaruddin sehingga berjaya menamatkan kitab. Pengajian hadith umumi masih lagi berlangsung dengan rancak sehingga kini dengan jemputan ulama



hadith dari negara Timur Tengah, Indonesia dan Malaysia. Kemudian pengajian secara formal diwujudkan dengan penubuhan Maahad Darul Hadis didaftarkan pada tahun 28 disember 2008 (Yahya Bakhir Ibni Hajar 2015).

4. Muhammad Abdul Kadir pula merupakan pengasas Darul Ulum Ihya Ulumuddin, Langgar, Kedah sejak tahun 1995 yang juga merupakan lepasan Darul Ulum Deoband, India. Madrasah ini merupakan sebuah pusat pengajian hadith yang mengambil sistem dan sukatan daripada Darul Ulum Deoband, India kemudian mengaplikasikan kepada pelajar. Pembelajaran kitab dari kulit ke kulit dilaksanakan dengan jadual yang sistematik oleh tenaga pengajar. Kaedah yang diaplikasi berjaya melahirkan pelajar yang berkaliber dalam penguasaan ilmu agama khususnya ilmu hadith. Pengajian masih lagi berlangsung sehingga kini walaupun keadaan insfrastuktur dalam proses penambahan (Abdul Kadir 2016).

Perkembangan Pengajaran Dan Pembelajaran Hadith Di Kedah

Negeri Kedah merupakan sebuah negeri atau kerajaan tertua di Tanah Melayu berdasarkan kajian Collings dan disokong oleh Callenfels (1936), P.S.R Williamns Hunt dan Endicott (1979) (Lembaga Muzium Negeri Kedah 1991) yang menerima Islam sejak abad kesembilan Masihi. Kedah mula dikenali oleh pedagang luar seperti Arab, China, Parsi dan India sejak awal kurun keempat yang menjadi faktor penyebaran Islam. Islam mula tersebar di serata negeri di Malaysia termasuk Negeri Kedah, maka hasil daripada gerakan Islam oleh ulama Islam khususnya dari Arab, China, India dan Parsi di Negeri Kedah lahir tokoh ulama yang merancakkan dan menyumbang pemikiran kepada penyebaran dakwah Islam.

Terdapat pelbagai bukti yang menunjukkan Islam sudah bertapak di Negeri Kedah antara bukti awal adalah penemuan sekeping batu yang dijumpai di Bukit Tupah, Merbok yang mencatatkan nama tokoh dan tarikh iaitu Ibni Sirdan bertarikh 214 Hijrah (829 Masihi) dalam askara jawi (Wan Shamsudin 1998). Tambahan lagi, penemuan batu nisan di tanah perkuburan Kampung Tanjung Inggeris berhampiran pekan Langgar terpahat nama dan tarikh seorang tokoh yang dipercayai seorang ulama dan pendakwah dari Timur tengah (Iran) bernama Shaykh Abdul Qadir Ibn Husin Shah Alirah bertarikh 3 Rabi'ul awal

291 Hijrah (Suhanim Abdullah 2014). Ini membuktikan Islam telah bertapak di Kedah semenjak abad kelapan atau sembilan Masihi walaupun tidak secara menyeluruh. Kajian juga mendapati Islam telah diterima bermula zaman kesultanan Sultan Muazzam Syah, Sultan Kedah yang kedua (1179-1201M) seperti mana yang terdapat dalam Tarikh Al-Salasilah Negeri Kedah (Muhammad Hassan 1968).

Selain itu, pendakwah yang berperanan penting dalam mengembangkan agama Islam di Kedah adalah Shaykh Abdullah al-Yamani yang berjaya mengislamkan Pemerintah Kedah dan menerima dasar pemerintahan Islam kemudian menukar nama baginda kepada Sultan Muzaffar Shah. Setelah itu, rakyat turut memeluk agama Islam malah, menjadikan Islam agama rasmi Kedah, seterusnya masjid dan surau turut dibina bagi tujuan ibadat dan pengajian agama (Muhammad Hassan 1968). Kesimpulanya, pada tahun 1136M Kedah telah menerima Islam secara keseluruhan terlebih dahulu berbanding Melaka namun kenyataan ini tidak menafikan Melaka sebagai pusat penyebaran agama dan dakwah Islam (Wan Shamsudin Mohd Yusof 1998).

Antara tokoh Melayu yang menjadi penggerak dakwah Islam Negeri Kedah adalah Haji Abdullah Abbas Nasution (Tajuddin Saman 1993) Haji Ishak Bin Mohamad Hashim, Tok Syeikh Jarum Derga, Tuan Mat Salleh Kelonghoi, Haji Hussain Bin Hassan, Haji Omar Merbok, Tuan Hussain Kedah, Haji Yaakob Bin Haji Ahmad, Haji Ahmad Tampong, Haji Mohamad Salleh Bin Mohamad Hasyim, Haji Mohamad Salleh Bin Haji Idris, Haji Mohamad Arif Bin Haji Ishak, Haji Wan Sulaiman Bin Haji Wan Sidek, Haji Mohd Said Yan, Haji Sulong Bin Haji Chik, Haji Ismail Bin Che Abu, Haji Salleh Masri, Haji Abdul Ghani Bin Haji Awang, Haji Wan Ibrahim Bin Wan Abdul Kadir dan Syeikh Ismail Bin Haji Mohd Salleh (Shaykh Niamat Yusof 1996). Penyebaran Islam seiring dengan pengajaran dan pembelajaran Islam yang merangkumi pelajaran al-Qur'an dan al-Hadith dari aspek akidah, ibadah, akhlak, muamalah dan seluruh sistem kehidupan manusia.

1. Sistem Pembelajaran

Negeri Kedah juga menunjukkan perkembangan yang baik dalam aspek Agama Islam dengan kebanjiran pusat-pusat pengajaran Islam yang terdiri daripada surau, pondok, sekolah, madrasah, institusi pendidikan tinggi yang berterusan sehingga kini untuk



menghidupkan ilmu Islam. Penulisan ilmu Islam juga dilakukan oleh ulama Melayu serentak dengan kedatangan Islam itu sendiri. Budaya berkarya terus berkembang di kalangan ulama Melayu temasuk Kedah, namun karya ulama Kedah tidak sebanyak karya yang dihasilkan oleh ulama Aceh dan Patani. Ilmu dalam disiplin pengajian Islam turut diperkenalkan antaranya ilmu tafsir, hadith, fiqh, tasawwuf dan akidah. Perkembangan ilmu pengetahuan telah mencapai tahap yang tinggi hasil dari peranan pendidikan yang telah menyumbang kepada kelahiran golongan ulama dan cendekiawan.

Kedah juga merupakan sebuah negeri yang melahirkan ramai ulama, hal ini sering dikaitkan dengan institusi pengajian pondok yang diterokai sejak pertengahan abad kesembilan belas dan berterusan sehingga kemerdekaan. Kenyataan ini disokong oleh Prof. Ishak Mohd Rejab yang mengatakan bahawa keadaan masyarakat yang terdiri daripada pesawah yang menyumbang kepada pendidikan agama yang melahirkan golongan ulama daripada anak tempatan. Hasil dari sawah menjadi sumber pendapatan guru dan murid yang mempelajari ilmu agama dipondok yang menerima zakat dan sumbangan dari sawah (Wan Shamsuddin Mohd Yusof 1999). Malah, keperhatinan pemerintah dan pembesar negeri terhadap pendidikan agama di pondok dan penghormatan kepada ulama tempatan dan luar negeri menambah kemajuan sistem pengajian pondok (Shaykh Niamat Yusof 1999).

Manakala, dari konteks pengajaran dan pembelajaran, ilmu hadith mula mendapat perhatian daripada masyarakat setempat. Pada tahun 1940 hingga 1960, berlaku peningkatan ibu bapa dalam menghantar anak mereka ke pengajian pondok (Mohd Napiyah Abdullah 1989). Kedah juga merupakan sebuah negeri yang mempunyai banyak institusi pondok yang telah wujud sejak abad ke lapan belas Masihi (Suhanim Abdullah 2014). Ekoran daripada kelahiran institusi pondok atau tradisional yang dipengaruhi oleh sistem pendidikan dari Patani dan Aceh yang juga merupakan kesinambungan daripada pengajian di surau dan masjid.

Sehubungan dengan itu, pengajian hadith rancak dijalankan di pondok-pondok pengajian yang terdapat padanya ulama Melayu keluaran dari pusat pengajian Timur Tengah mahupun tempatan. Pengajian yang dijalankan tidak dikenakan bayaran sebaliknya guru yang mengajar hanya menerima sumbangan daripada orang ramai (Mohd Koharuddin Mohd Balwi t.th).

Metodologi pengajian tradisional di Negeri Kedah juga terdedah kepada sistem pengajian di Mekah dengan pengubahsuaiannya mengikut kebudayaan masyarakat disamping menjimatkan kos perbelanjaan pembelajaran. Perubahan daripada aspek sukatan juga berlaku dalam institusi pondok hasil dari pertambahan atau perpindahan guru (Suhanim Abdullah 2014).

Selain itu, sukatan pembelajaran juga tidak terikat dengan sesuatu, kitab dipilih sendiri oleh guru mengikut peringkat dari rendah hingga ke peringkat yang tinggi. Metod pengajaran yang diimplementasikan berkeadaan guru mengajar dihadapan dan dikelilingi oleh murid yang duduk bersila dalam satu bulatan hampir penuh. Guru akan membaca teks dalam kitab Bahasa Arab kemudian menjelaskannya dalam Bahasa Melayu. Murid juga akan menggunakan kitab yang sama menyemak dan mencatat di halaman tepi kitab. Metodologi ini dikenali sebagai metodologi halaqah atau sistem ‘umumi, namun di Kedah, metodologi ini dikenali dengan metodologi menadah kitab (Mohd Napiyah Abdullah 1989).

Pusat pendidikan pondok yang terawal di Kedah antaranya ialah Pondok Haji Muhammad Noor Langgar atau lebih dikenali dengan Pondok Tasak yang diasaskan pada tahun 1850 Masihi. Pandangan umum mengenai kewujudan pondok di Kedah bermula pada abad kelapan belas. Tambahan lagi, menurut kajian dianggarkan terdapat empat puluh dua buah institusi pondok di Kedah sehingga pertengahan kurun kedua puluh Masihi (Awang Had Salleh 1991). Usaha berterusan ulama mengembangkan ilmu Islam melalui institusi pondok juga menjadi faktor perkembangan ilmu agama khususnya ilmu hadith di Kedah. Institusi pondok juga banyak melahirkan golongan ulama di Negeri Kedah, khususnya ulama hadith jelas menunjukkan perkaitan dengan sistem pendidikan di Timur Tengah kerana selepas menamatkan pengajian pondok, kebanyakan pelajar akan melanjutkan pembelajaran ke Timur Tengah.

Dari sudut bahan pengajaran, sumber rujukan yang lazim digunakan dalam pembelajaran hadith secara ‘umumi adalah Matn al-‘Arba‘in oleh al-Imam al-Nawawi, Bulugh al-Maram min Adillat al-Ahkam oleh Ibn Hajar al-Asqalani (Mohd Napiyah 1989 b), Mastika Hadis terbitan Jabatan Perdana Menteri, Riyad al-Salihin oleh al-Imam al-Nawawi, dan Sahih al-Bukhari (Rohaizan Baru 2006). Sumber rujukan ini masih berterusan digunakan sehingga sekarang sama ada di institusi pondok dan madrasah.



2. Tokoh Hadith di Kedah

Pengajaran dan pembelajaran hadith telah berjaya menghasilkan ramai tokoh yang berkualiter dan mahir dalam bidang hadith khususnya. Antara tokoh hadith kelahiran Negeri Kedah antaranya ialah Abu Bakar Palestin (Faisal Ahmad Shah et al. 2010), Tuan Husayn Kedah atau Husayn Kedah al-Banjari , Dato' Shaykh Zakaria Haji Ahmad Wan Besar dan Dato' Mursyid Diraja Haji Tajuddin Bin Abdul Rahman.

1. Abu Bakar Palestin

Nama sebenar beliau Haji Abu Bakar Bin Hanafiah Bin Taib Bin Haji Ismail Bin Ahmad al-Qadhi. Beliau dilahirkan di Kampung Gandai, Ayer Hitam, Mukim Jerlun, Daerah Kubang Pasu, Kedah Darul Aman. Gelaran Palestin diberikan kerana beliau pernah merantau sehingga ke Palestin, oleh kerana pada waktu itu orang Melayu jarang dapat ke sana. Beliau menuntut ilmu di Mekah selama dua puluh tahun di Masjid al-Haram dan rumah rumah ulama sekitar Mekah. Sumbangan beliau dalam pendidikan pula, beliau telah menubuhkan sebuah pondok di Ayer Hitam yang dikenali sebagai Pondok Ayer Hitam. Manakala, antara kitab hadith karangan beliau adalah Lubab al-Hadith, Arba'in li al-Nabhaniyyah dan Misbah al-Zhalam wa al-Bahjah al-Anam.

2. Tuan Husayn al-Banjari

Tuan Husayn Bin Muhammad Nasir al-Banjari dilahirkan pada 2 November 1863 Masihi di Titi Gajah yang merupakan keturunan keenam daru ulama besar iaitu Shaykh Muhammad Arshad Bin Abdullah al-Banjari, pengarang Sabil al-Muhtadin berasal dari negeri Martapura, Banjarmasin. Nama timangan beliau sewaktu kecil adalah Cik Megat kerana ibu beliau merupakan kerabat diraja Daerah Kubang Pasu. Beliau banyak memberi sumbangan dan peranan dalam institusi pendidikan pondok di Kedah dengan menubuhkan lima buah institusi pondok dan sebuah di Seberang Perai (Ishak Mohd Rejab 1992). Disamping itu, beliau juga yang banyak melahirkan tokoh ulama yang berjasa pada Islam setelah mereka melanjutkan pelajar ke Mekah, Mesir dan India antaranya adalah Ustaz Haji Abd. Hamid Afendi, Ustaz Haji Suhaimi Haji Sulaiman, Ustaz Ishak Manaf, Ustaz Ismail Hashim, Ustaz Othman Fauzi Abd. Rahman, Ustaz Haji Abdul Kadir Hj. Hamzah, Ustaz Abu Bakar Kassim, Ustaz Ishak Rejab, Ustaz Mohd. Zain Haji Othman dan lain-lain (Napisah Karimah Ismail &

Farid Mat Zain 2011). Selain daripada itu, Tuan Husayn al-Banjari juga banyak mengasilkan penulisan dalam pelbagai bidang ilmu agama termasuklah hadith iaitu Tadkir Qabail al-Qadhi yang merupakan terjemahan Jawahir al-Bukhari (Latifah Abdul Majid 2010).

3. Dato' Shaykh Zakaria Haji Ahmad Wan Besar

Seorang ulama kelahiran Kedah yang mendapat pendidikan awal di Madrasah Dar al-Ulum al-Diniyyah Makkah (1963-1949), kemudian melanjutkan pengajian ke Universiti al-Azhar, Mesir, Kuliyyah Usuluddin pengkhususan Tafsir dan Hadith. Sumbangan yang besar telah diberikan dalam dakwah Islam di Kedah sehingga dicalonkan sebagai Tokoh Dakwah Negeri Kedah dan Tokoh Ma'al Hijrah bersempena sambutan Ma'al Hijrah tahun 1409 Hijrah. Selain itu, beliau turut dianugerahkan sebagai Tokoh Guru Negeri Kedah (1988), Pingat Khidmat Cemerlang (1988), Ahli Mahkota Kedah (1988), Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan (1997), Dato' Setia Diraja Kedah (1999) dan Ijazah Kehormat Sarjana Pengajian Islam (2004). Beliau juga mengadakan pengajian cumumi di masjid-masjid sekitar Kedah dan Pulau Pinang. Beliau merupakan seorang yang ulama yang aktif berkarya dalam pelbagai bidang ilmu agama termasuk hadith sehingga dikatakan lebih daripada tujuh puluh buah kitab karya beliau. Diantara kitab hadith karangan beliau adalah Mutiara Hadith Nabawi: Hadith-hadith Pilihan daripada Kitab Jami' al-Saghir min Ahadith al-Suyuti, Terjemahan Hadith al-Arba'in al-Nawawiyyah, al-'Idah Fi Sharh al-Arba'in al- Nawawiyyah dan Terjemahan Bulugh al-Maram (Abdul Basir Mohamad 2006).

4. Dato' Mursyid Diraja Haji Tajuddin Bin Abdul Rahman

Nama penuh beliau Haji Tajuddin Bin Shaykh Abdul Rahman al-Jarumi dilahirkan di belakang Kilang Ais Seberang Perak, Alor Setar, Kedah pada tarikh 27 Ramadhan 1343 Hijrah bersamaan 18 September 1924. Mahir dalam pelbagai bidang ilmu agama termasuk hadith sehingga ketokohan beliau dalam bidang hadith diakui oleh Shaykh Muhammad Yasin Isa al-Fadani al-Makki dan Shaykh Muhammad Bin Alawi al-Hasani al-Makki, kedua-duanya mempunyai kepakaran dalam bidang hadith di Mekah. Beliau juga menerima ijazah sanad-sanad hadith dan kitab-kitab hadith yang muktabar dalam rujukan Islam. Malah Dato' Haji Tajuddin diwakilkan oleh Shaykh Yasin



sebagai penyebar Ilmu Sanad Shaykh Yasin al-Fadani al-Makki di Malaysia. Beliau turut berperanan dalam menghasilkan penulisan dan penerbitan serta memberi sumbangan dalam aktiviti kemasyarakatan disamping mengadakan pengajaran secara formal dan non-formal di Kedah (Azman Ab Rahman et al. 2006).

Ketokohan Ulama Kedah telah terbukti dalam pengajaran agama Islam yang mencorak pemikiran masyarakat di Kedah khususnya dalam ilmu akidah, fiqh tasawuf dan hadith. Sumbangan dan jasa yang ditaburkan kepada masyarakat tidak ternilai dan terhitung jumlahnya. Selain daripada itu, ulama turut membentuk keperibadian akhlak masyarakat dalam menjadi mukmin sejati yang mewarisi perjuangan Rasulullah SAW menegak dan menyebarkan ajaran Islam.

Selain itu, kewujudan institusi formal mahupun non formal juga adalah hasil sumbangan daripada ulama dalam bidang pengajian agama. Kesungguhan ulama dalam menghasilkan pusat-pusat pengajian tidak dilupakan. Walaupun pada permulaan penubuhan mengalami pelbagai kesulitan dan kekurangan sumber serta dana yang diperuntukkan, namun semangat ulama tetap utuh menjalankan pengajaran di tempat-tempat yang tidak mempunyai kelengkapan pengajaran dan pembelajaran. Penubuhan institusi pengajaran hadith di peringkat tinggi mahupun rendah merupakan suatu usaha yang positif untuk melahirkan golongan ilmuan dalam bidang hadith khususnya.

KESIMPULAN

Perkembangan pengajaran hadith dikupas secara ringkas melibatkan Para ulama yang memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan Islam di Malaysia khususnya di Kedah iaitu negeri yang terawal menerima Islam. Pendidikan agama khususnya ilmu hadith diberikan kepada masyarakat dan pelajar sejak abad kelapan belas Masihi menerusi institusi pondok. Perubahan dalam sistem pembelajaran juga berlaku disebabkan kemajuan dalam pendidikan dan menyelaraskan sistem pendidikan di seluruh tempat oleh kerajaan. Selain itu, ulama juga berperanan dalam menubuhkan dan meneruskan sistem pembelajaran secara tradisional yang melahirkan golongan ulama yang dapat meneruskan pengajaran agama khususnya hadith.

Justeru, penubuhan pusat pengajaran hadith penting dalam masyarakat untuk melahirkan golongan ulama ini. Tambahan lagi, ia juga dapat menjadi sumber

rujukan kepada masyarakat dalam sesuatu isu berkaitan hadith dalam mengawal dan membanteras gejala penyebaran hadith palsu di kalangan masyarakat. Malah, pusat pengajian hadith juga akan menjadi salah satu pemakanan rohani kepada masyarakat khususnya pelajar untuk lebih menerapkan sunnah-sunnah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam kehidupan.

REFERENCES

1. Al-Qur'an al-Karim. 1999. Terjemahan al-Qur'an Abdullah Muhammad Basmeih. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
2. Ab Halim Tamuri. 2003. Fungsi Surau Dan Keberkesanannya Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di sekolah-sekolah Menengah Negeri Selangor. Laporan Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Abd Rahim Abd Rashid. 2002. Agenda Perubahan Pendidikan Sains Sosial dalam Mengharungi Alaf Baru. Dlm. Abd Rahim Abd Rashid. (pnyt.). Pengajaran dan Pembelajaran Sains Sosial: Teori dan Amalan, hlm. 1-21. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
4. Abdul Basir Mohamad. 2006. Dato' Sheikh Zakaria Bin Haji Ahmad Wan Besar: Tokoh Pendakwah dan Ulama Prolifik Negeri Kedah. Dlm Farid Mat Zain, Jaffary Awang & Rabitah Mohd Ghazali (pngr.). Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu, hlm. 10-20. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
5. Abdul Halim el-Muhammady. 1991. Pendidikan Islam:Falsafah,Disiplin dan Peranan Pendidik. Selangor: Dewan Pustaka Islam.
6. Abdul Karim Ali & Mohd Noor Deris. 2007. Pengajian al-Sunnah. Selangor: Intel
7. Multimedia and Publication.
8. Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh & Siti Esah Salleh. T.th. Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu. T.tp: T.pt.
9. Abdul Salam Yussof. 2015. Idea-Idea Pendidikan Berkesan Al-Ghazali & Konfusius. Edisi ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
10. Abdullah Ishak. 1989. Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam. Selangor: al-Rahmaniah.
11. Abdur-Rahman M.A, Abdul Mutalib Embong, Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah, Mashitah Sabdin, Raja Ahmad Iskandar Raja Yaacob & Mohd Pisol Mat Isa. 2011. Historical Review of Classical Hadith Literature in Malay Peninsula. International Journal of Basic & Applied Sciences IJBAS-IJENS 11(2): 1-6.
12. Abu Dawud, Sulaiman Bin al-Ashath al-Sajastani. 2000M/1420H. Sunan Abi Dawud. Riyadh: Bait al-Afkar al-Dawliah.
13. Adnan Yusopp. 2002. Kurikulum Baru Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia menghadapi era globalisasi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
14. Ahmad Syaibani. 1997. Falsafah Pendidikan Islam. Jakarta: Bulan Bintang.
15. Attas, Syed Muhammad Naguib. 2015. Tarikh sebenar batu bersurat Terengganu: Juma'at, 4 haribulan Rajab, 702 Hijrah bersamaan 22 haribulan Februari, 1303 Masihi. Terj. Muhammad Zainiy Uthman. Kuala Lumpur: Centre of Advanced Studied on Islam and Civilisation (CASIS) & Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM).
16. Bukhari, Abi cAbd Allah Muhammad Bin Ismacil.1998M/1419H. Sahih al-Bukhari. Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
17. Ghazali, Abu Hamid. 1939. Ihya' cUlum al-Din. Juzuk 1. Mesir: Mutba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.



18. Ghowriy, Abdul Majid. 2012. Mu'jam al-Mustolahaat al-Hadithiyah. Selangor: Darul Syakir Enterprise.
19. Ghawri, A.A.M., bin Mohamed Nor, Z., Azmi, A.S. and Hussin, M.H. 2012. *Kamus Istilah Hadis*. Darul Syakir Enterprise.
20. Khatib, Muhammad cAjaj. 1971M/1391H. Al-Sunnah Qabl al-Tadwin. Qahirah: Dar al-Fikr.
21. Sibaci, Mustafa. 1998M/1418H. Al-sunnah wa Makanatuha fi al-Tashric al-Islami. Qahirah: Dar al-Salam.
22. Anwar Ridwan Zakaria & Fauzi Deraman. 2007. Perkembangan Huraian Hadith: Suatu Sorotan. Jurnal al-Bayan al-Qur'an & al-Hadith (5): 177-200.
23. Ash-Shiddieqy, Hasbi. 1974. Sejarah dan Pengantar Ilmu Hadits. Jakarta: Bulan Bintang.
24. Asma' Soleh. 2015. Sistem Pembelajaran Darul Ulum Ihya Ulumuddin. Temu bual, 25 November 2015.
25. Awang Had Salleh. 1991. Sekolah Melayu, Sekolah Rakyat dan Pondok di Kedah. Dlm Dokumentasi Sejarah Negeri Kedah Darul Aman, 93-103. Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah.
26. Azman Ab Rahman, Mohd Zaini Zakaria & Syed Salim Syed Shamsuddin. 2006. Dato' Mursyid Diraja Haji Tajuddin Bin Abdul Rahman: Tokoh Ulama Kedah dan Sumbangannya Terhadap Pembangunan Ummah. Dlm Dlm Farid Mat Zain, Jaffary Awang & Rabitah Mohd Ghazali (pngr.). Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu, hlm. 111-117. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
27. Blingh, D.A. 1998. What's the use of Lectures. Exeter: Intellect.
28. Butler, J.A. 1992. The Culture Of Education In Narratives Of Sciences. Cambridge: Harvard University Press.
29. Che Noraini Hashim. 2008. Kepelbagaiaan P&P Rasulullah SAW Demi Menjana Pendidikan Yang Berkesan. Jurnal Pendidikan Islam 3(1):61-80.
30. Engku Ibrahim Ismail & Abdul Ghani Shamsuddin. 1987. Kedudukan Hadith dalam Islam. Kuala Lumpur: Persatuan Ulama Malaysia.
31. Faisal Ahmad Shah, Mohamad Hasbullah Salim & Jawiah Dakir. 2010. Sheikh Abu Bakar Palestin (1908m-1998m) dan Sumbangannya dalam Bidang Hadith: Tumpuan kepada Kitab Lubab Al-Hadith dan Misbah Al-Zalam. Dlm Haziyah Hussin & Mazlan Ibrahim (pnyt.). Prosiding Seminar Serantau Ilmu Hadith dalam Peradaban di Alam Melayu, hlm. 23-42. Selangor: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia.
32. Fauzi bin Deraman & Mohd Asmawi bin Muhammad. 2010. Maulana Tok Khurasan dan Sumbangan dalam Pengajian Hadith. Dlm Haziyah Hussin & Mazlan Ibrahim (pnyt.). Prosiding Seminar Serantau Ilmu Hadith dalam Peradaban di Alam Melayu, hlm. 43-57. Selangor: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia.
33. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman & Faisal Ahmad Shah. 2010. Pengajian Hadith di Malaysia: Tokoh, Karya dan Institusi. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Hadith, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
34. Gazhali Darussalam. 2001. Pedagogi Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
35. Hassan Langgulung. 1991. Asas-Asas Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
36. Ibn Majah, Abi cAbd Allah Muhammad Bin Yazid. 1999. Sunan Ibn Majah. Muhammad Soleh al-Rajhi (pnyt.) Riyadhi: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
37. Ibnu Khaldun, Waliyuddin cAbdurrahman Ibn Muhammad. 2004. Muqaddimah Ibnu Khaldun. cAbdullah Muhammad Darwish (pnyt.). jil 1. Damsyik: Dar Yucrab.
38. Ibnu Solah, cUthman Abdurrahman al-Shahrzuri Taqquyuddin. 1986M/1406H. cUlum al-Hadith Ibnu Solah. Nuruddin Ictr (pnyt.). Damsyik: Dar al-Fikr.
39. Ishak Mohd Rejab. 1992. Haji Husain Mohd Nasir al-Mascudi al-Banjari, 1863-1935: Tok Guru dan Pengarang. Dlm Ismail Mat (pnyt.). Ulama Silam dalam Kenangan, hlm. 35-49. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
40. Jawiah Dakir & Ahmad Levi Fachrul Avivy. 2010. Sumbangan dan Kepakaran Syeikh Mahfuz Al-Tarmasi Dalam Bidang Hadis. Dlm Haziyah Hussin & Mazlan Ibrahim (pnyt.). Prosiding Seminar Serantau Ilmu Hadith dalam Peradaban di Alam Melayu, hlm. 69-79. Selangor: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia.
41. Jawiah Dakir, Ahmad Levi Fachrul Avivy, Wan Nasryuddin Wan Abdullah, Mazlan Ibrahim, Ahamad Asmadi Sakat, Muhd Najib Abdul Kadir & Mohd. Nazri Ahmad. 2012. The Trail of Hadith Scholars and Their Works in the Malay Region. Jurnal Advances in Natural and Applied Sciences 6(7): 1156-116.
42. Jordan, E. A. & Porath, M. J. 2006. Educational Psychology: A Problem-Based Approach. Boston: Pearson Education, Inc.
43. Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. Pendidikan Islam : Kaedah Pengajaran & Pembelajaran. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press.
44. Khader Ahmad. 2014. Ilmu Hadith Kurang Mendapat Tempat di Nusantara. Majalah I. April: 27-28.
45. Khairil Izuan Ibrahim. 2015. Persepsi Guru Guruan Islam Terhadap Kesesuaian Pelaksanaan Kurikulum Hadis Di Sekolah Rendah Di Kuala Kangsar. Disertasi Sarjana, Jabatan al-Qur'an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
46. Latifah Abdul Majid. 2010. Jawahir al-Bukhari of Tuan Haji Husayn: A Significance Hadith Text in Social Teaching for Malay Readers. Jurnal Hadhari (3): 97 -117.
47. Maharam Mamat, Johari Talib, Roosfa Hashim & Maznah Ibrahim. 2012. Keberkesanan Pengajaran Menulis Esei Menggunakan Kaedah Coaching Dan Tunjuk Cara. Dlm Lilia Halim, Chang Peng Kee & Hassan Basri. Mercu Kesarjanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Institusi Pengajian Tinggi. Bangi: Penerbit Ukm.
48. Maimun Aqsa Lubis & Roslan Aspar. 2005. Kaedah Pengajaran Pengetahuan Agama Islam di Brunei Darussalam. Jurnal Pendidikan, (30): 141-150.
49. Maria Chong Abdullah, Samsilah Roslan & Tajularipin Sulaiman. Strategi Pengajaran Pembelajaran Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Anjakan Paradigma. T.Tp: T.Pt.
50. Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Jaffary Awang, Muhd Najib Abdul Kadir & Fadlan Mohd Othman. 2013. Pengajian Islam di IPT Malaysia dalam Menangani Islam Liberal. Jurnal Hadhari 5 (1): 37 – 53.
51. Mohamad Sattar Rasul, Rose Amnah Abd Rauf, Busu Sulong & Azlin Norhaini Mansor. 2012. Kepentingan Kemahiran Kebolehdapatan Kerja Kepada Bidang Teknikal. Jurnal Teknologi (Sosial Science) UTM, 59: 93-101.
52. Mohd Arif Ismail. t.th. Pemilihan & Penilaian Bahan Sumber Pendidikan. Dlm Mohamed Amin Embi (pnyt.). Panduan Amalan Pengajaran & Pembelajaran Berkesan, 151-160. Selangor: Pusat Pembangunan Akademik UKM.
53. Mohd Koharuddin Mohd Balwi. t.th. Tradisi Keilmuan dan Pendidikan dalam Tamadun Melayu di Nusantara. Jurnal Kemanusiaan:48-62.
54. Mohd Muhiden Abd Rahman. 2007. Tradisi Pengajian Hadis di Nusantara. Dlm Mohd Fauzi Hamat, Joni Tamkin Borhan & Ab. Aziz Mohd Zin (pnyt.). Pengajian Islam Di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia, hlm. 123-133. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
55. Mohd Napiyah Abdullah. 1989 (a). Ikhtisar Sejarah Perkembangan dan Metodologi Penyusunan Hadith. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
56. Mohd Napiyah Abdullah. 1989 (b). Pengajian Hadis di Institusi Pondok: Suatu Kajian di Baling, Kedah. Jurnal Islamiyyat (10): 31-42.
57. Muhammad Abdul Kadir. 2013. Penerangan Ringkas Darul cUlūm Ihyā' cUlūmuddīn. T.Tp: t.pt.
58. Muhammad Abdul Kadir. 2016. Penubuhan Darul Ulum Alor Setar. Temu Bual Januari 2016.
59. Muhammad cAbd al-cAziz al-Khuli. t.th. Miftah al-Sunnah aw Tarikh fi Funun al-Hadith. Beyrut: Dar al-Kutub al-cAlamiyyah.
60. Muhammad Hassan Bin Dato' Kerani Mohd Arshad. 1968. Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
61. Muhammad Hassan Bin Dato' Kerani Mohd Arshad. 1968. Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

62. Muslim, Muslim Bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. 1991M/1412H. Sahih Muslim. Jil. 1 & 2. Muhammad Fuad cAbd al-Baqi (pnyt.). Beirut: Dal al -Kitab al-Alamiyyah.
63. Napisah Karimah Ismail & Farid Mat Zain. 2011. Sumbangan Tuan Husain Kedah Terhadap Perkembangan Islam di Kedah. Dlm Azmul Fahimi Kamaruzaman, Ezad Azraai Jamsari, Ermy Azziaty Rozali, Farid Mat Zain, Hakim Zainal, Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Maheram Ahmad, Md Nor Abdullah, Napisah Karimah Ismail & Zamri Arifin (pnyt.). Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, hlm. 345-350. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
64. Noor Hisham Md Nawi. 2011. Pengajaran Dan Pembelajaran: Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kertas kerja Kongres Pengajaran Dan Pembelajaran UKM 2011, Hotel Vistana Pulau Pinang, 18 - 20 Disember.
65. Noor Izzuddin Mat Zain, Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar. 2014. I-Eco: Inovasi Simulasi Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran Ibadah Tingkatan 4. Journal The Online Journal Of Islamic Education :1-6.
66. Rohaizan Baru. 2006. Perkembangan Ilmu Hadis di Negeri Terengganu Darul Iman. Jurnal Usuluddin (23-24): 91-116.
67. Shahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir. 2003. Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan. Shah Alam: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
68. Shaykh Niamat yusof. 1999. Sejarah Dan Perjuangan Ulama Kedah Darul Aman: Suatu Muqaddimah. Dlm Biografi Ulama Kedah. jil 1. Kedah: Lembaga Muzium Kedah.
69. Shuki Osman & Rahman Shukor Ab Samad 2009. Menterjemah Kurikulum Kepada Pengajaran dan Pembelajaran Bilik Darjah. Dlm Noraini Idris & Shuki Osman. Pengajaran dan Pembelajaran Teori Dan Praktis. Hlm. 33-48. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
70. Subhi al-Salih. 1971. cUlum al-Hadith wa Mustolahuhu. Beirut: t.pt.
71. Suhanim Abdullah. 2014. Pemikiran Tokoh Ulama Banjar Kedah. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
72. Tajuddin Saman. 1993. Tokoh Ulama Nusantara. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
73. Tayar Yusuf. 1986. Ilmu Praktek Mengajar Metodik Khusus Pengajaran Agama. Bandung: al-Ma'arif.
74. Wan Mat Sulaiman & Dk Hjh Norkhairiah Pg Hj Hashim. 2011. Aplikasi Kemahiran Berfikir Dalam Pengetahuan Ugama Islam. Journal Of Applied Research In Education 5(1&2): 43-58)
75. Wan Shamsuddin Mohd Yusof. 1998. Pertapanan dan Penyebaran Islam di Negeri Kedah. Dlm Md Noor Salleh & Abdul Halim Haji Salleh. Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman Kedua: Islam di Kedah Darul Aman, hlm. 2- . Alor Setar: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.
76. Yahya Bakhir Ibni Hajar. 2015. Penubuhan Maahad Darul hadis. Temu Bual, 30 April.
77. Zarin Ismail & Ab. Halim Tamuri. 2006. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Bilik Darjah: Satu Analisis Pemerhatian. Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam 1 April 2006, Universiti Kebangsaan Malaysia.
78. Zulkifilee Yazid & Zuharudin Yazid. 2000. Sejarah Perkembangan Hadis dan Tokoh-Tokoh Utama dalam Bidang Hadis. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.